

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (LOKAL)

TARIKH: 13 FEBRUARI 2020

MUKA SURAT: 24

## Bilangan rumah tidak terjual menurun

**Kuala Lumpur:** Bank Negara Malaysia (BNM) melihat wujud sedikit penurunan dalam jumlah rumah tidak dijual di negara ini dan situasi itu dijangka mencatatkan keseimbangan semula disokong pelancaran baharu pada harga mampu milik.

Gabenor BNM, Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus berkata, ada beberapa faktor menyokong dalam menyeimbangkan situasi rumah tidak terjual di negara ini.

Beliau berkata, pasaran dijangka terus menyaksikan keseimbangan semula dengan pelancaran rumah baharu yang lebih tertumpu kepada segmen harga mampu milik.

Katanya, berdasarkan perangkaan sedia ada, jumlah hartanah tidak terjual berkurangan pada suku ketiga 2019 kepada 162,000 unit berbanding 174,000 unit pada suku kedua 2019.

"Ada sedikit pengura-

ngan dalam jumlah rumah tidak terjual. Dengan lebih banyak pelancaran baharu membabitkan segmen mampu milik membantu menstabilkan situasi rumah tidak terjual," katanya.

Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai situasi rumah tidak terjual di negara ini pada sidang media mengumumkan prestasi ekonomi Malaysia pada suku keempat 2019 di sini, semalam.

Di samping itu, BNM berkata, pemulihan dalam sektor pembinaan pada suku keempat 2019 juga disokong oleh pembangunan rumah mampu milik.

Berdasarkan definisi Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (JPPH), kediaman tidak terjual adalah unit kediaman yang menerima Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC), tetapi belum terjual lebih daripada sembilan bulan selepas dilancarkan.